

Mahathir bidas negara maju tidak serius

Oleh SITI HATIJA YUSOF

KUALA LUMPUR 16 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas sikap negara-negara maju yang tidak serius terhadap Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Pembangunan Sosial di Copenhagen, Denmark baru-baru ini.

Beliau berkata, sikap tidak serius tiga buah negara maju berkenaan itu terbukti dengan keengganan ketua negara masing-masing menghadiri persidangan itu sebaliknya hanya menghantar menteri muda sahaja sebagai wakil.

Katanya, antara resolusi

sidang yang dipersetujui ialah supaya negara maju menghapuskan hutang-hutang yang diberikan kepada negara membangun yang miskin. Namun demikian berdasarkan sikap tidak serius negara maju itu jelas menunjukkan mereka tidak mempunyai minat untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di seluruh dunia.

“Sementara di Rio, mereka harapkan supaya negara-negara membangun memainkan peranan dan harus hadir, kita hadir, tetapi di Copenhagen kita tentukan sesuatu yang mereka perlu mainkan peranan, mereka tidak hadir. Nam-

paknya tiada serius komitmen daripada mereka.

“Nampak jelas mereka tidak mempunyai minat untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di seluruh dunia,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dekat Subang hari ini, selepas menghadiri Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Pembangunan Sosial di Copenhagen, dan lawatan tiga hari ke Britain.

Perdana Menteri berkata, walaupun resolusi yang ditandatangani di persidangan itu dipersetujui te-

tapi keberkesanannya belum dapat dipastikan tanpa sokongan serius daripada negara-negara maju.

Ditanya sama ada resolusi itu akan mengalami nasib yang sama seperti Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan pada 1992, Perdana Menteri berkata, masih terlalu awal untuk dinyatakan memandangkan persidangan itu tidak meminta sebarang bantuan negara maju.

Katanya, di antara negara-negara Eropah, hanya Austria sahaja yang menunjukkan minat membantu melupuskan hutang.